

HUBUNGAN ADAT DENGAN TANAH TERBIAR
LOKASI : REMBAU, NEGERI SEMBILAN

OLEH :
MUHAMAD NASIR HABIZAR
ROSDI BIN SAAD
MOHD. ZAID MD. FAZIL
AMINUDIN ABDUL RAHIM

FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

1993/94

**JABATAN SAINS KEMASYARAKATAN
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**KURSUS:
SKS 210
(MASYARAKAT DAN BUDAYA)**



**TAJUK:
"HUBUNGAN ADAT DENGAN
TANAH TERBIAR"**

**PENSYARAH:
PUAN HANISAH YAACOB**

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMAD NASIR HABIZAR	(29931)
ROSDI BIN SAAD	(30165)
MOHD. ZAID MD. FAZIL	(30581)
AMINUDIN ABDUL RAHIM	(30619)

**DIPLOMA SAINS KOMPUTER (05)
SEMESTER JULAI
SESSI 1993/94**

Untuk Yang Dikasihi,

Emak, Ayah Serta Keluarga.

..... Jasa dan Pengorbanan Kalian Akan Tetap
Kami Kenang Hingga Akhir Hayat.

Untuk Yang Tersayang

..... Terima Kasih Atas Segala Bantuan Dan
Dorongan Mu.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim,

Bersyukur kami kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan satu kerja kursus pada sessi Julai 1993/94 ini tentang Hubungan Adat Dengan Tanah Terbiar di Daerah Rembau Negeri Sembilan. Kerja kursus ini adalah sebagai memenuhi syarat untuk bergeraduat. Kami dikehendaki menulis satu penulisan ilmiah berkaitan dengan tajuk di atas.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kursus ini iaitu Puan Hanisah Yaacob yang telah banyak memberikan nasihat, dorongan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kerja kursus ini.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada penduduk-penduduk Daerah Rembau, pegawai-pegawai pejabat Daerah Rembau, terutamanya Encik Ab. Radzak Ab. Rahman selaku Timbalan Pentadbir Tanah Daerah dan Encik Mohd. Yusuf Mat Seman selaku Pegawai Tadbir Tanah Daerah, yang telah banyak memberikan pandangan, teguran serta bantuan dalam menyiapkan

kertas projek ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada En. Norhalim Hj. Ibrahim selaku Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, yang juga telah banyak memberikan panduan dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Akhir sekali kami berharap semoga penulisan ilmiah ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Wassalam.

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI LAMPIRAN	v
Pengenalan	1
Takrifan	2
OBJEKTIF KAJIAN	
Objektif Am	2
Objektif Khusus	3
METODOLOGI	4
Kaedah Kajian	4
LATARBELAKANG KAJIAN	4
SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA	5
JENIS-JENIS TANAH TERBIAR	7
Tanah Adat	7
Harta Carian	8
KELUASAN TANAH DI DAERAH REMBAU	9
KELUASAN TANAH TERBIAR DI DAERAH REMBAU	10
FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA TANAH ADAT TERBIAR DI DAERAH REMBAU	11
Faktor Sosio-Budaya	11
Faktor Ekonomi	12
LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH PIHAK PENTADBIRAN NEGERI BAGI MEMULIHKAN TANAH TERBIAR	18
KELUASAN TANAH PERTANIAN YANG TELAH DIMAJUKAN OLEH AGENSI KERAJAAN	22
MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PIHAK PENTADBIRAN NEGERI BAGI MEMBANGUNKAN TANAH TERBIAR	23

CADANGAN DAN ULASAN	25
KESIMPULAN	27
BIBLIOGRAFI	28
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

1.	Keluasan mukim di Daerah Rembau	9
2.	Keluasan tanah yang berpotensi untuk dimajukan di Daerah Rembau	10
3.	Keluasan tanah terbiar yang telah dimajukan	23

SENARAI LAMPIRAN

1. Gambar Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau yang menempatkan Pejabat-Pejabat Kerajaan
2. Contoh Geran Tanah yang mempunyai nama lebih daripada seorang pemilik.
3. Contoh Borang 6 A - Notis Tuntutan Hasil Terhutang.
4. Contoh Borang 8 A - Notis Pengembalian Tanah kepada Kerajaan.
5. Contoh Borang Perintah Pelucutan-Hak Tanah Di Bawah Seksyen 100.
6. Senarai pegawai-pegawai yang ditemuramah di Pejabat Daerah Rembau.
7. Gambar tanah sawah yang terbiar
8. Gambar sistem Pengairan Mampong

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA TANAH ADAT TERBIAR DI DAERAH REMBAU

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan tanah menjadi terbiar. Kebanyakan faktor-faktor ini adalah bercorak sosio-budaya dan ekonomi. Beberapa faktor utama yang menyebabkan berlakunya tanah-tanah adat terbiar di Daerah Rembau Negeri Sembilan ialah :

1. Faktor Sosio-Budaya

Sikap masyarakat kini terhadap pertanian sudah jauh berubah. Sebahagian besar golongan masyarakat kini menganggap kerjaya sebagai petani adalah susah, kotor dan cemar, tidak mendatangkan hasil yang tinggi dan mencukupi serta mempunyai martabat yang paling rendah. Anak-anak sejak dari kecil lagi sudah diberi didikan hinggalah ke pusat pengajian tinggi dan tidak diberi galakan untuk menjadi petani. Jarang-jarang seseorang anak itu digalakkan untuk balik kampung dan meneruskan kerja sebagai petani selepas menamatkan pengajiannya.

Golongan yang cuba untuk menceburi bidang pertanian pula adalah terdiri daripada mereka yang telah gagal dalam lain-lain usaha ataupun setelah bersara daripada pekerjaan sebagai tentera dan polis. Golongan inipun kadangkala tidak balik ke kampung sebaliknya berikhtiar untuk mencari kerja

lain di bandar-bandar ataupun dihantar terus untuk menyertai rancangan pembangunan tanah. Mereka yang menetap di kampung setelah bersara pula tidak mempunyai pengalaman untuk menjalankan usaha pertanian. Ini merupakan satu daripada punca terjadinya tanah terbiar.

2. Faktor Ekonomi

Walaupun faktor-faktor berikut merupakan faktor ekonomi, tetapi ia juga berkait dengan masalah lain seperti masalah sosial, kebudayaan dan teknikal. Antara faktor-faktor yang terlibat adalah seperti berikut :-

- i. Keluasan tanah yang tidak ekonomis
- ii. Hakmilik ramai
- iii. Sukar untuk menukar jenis tanaman
- iv. Penghijrahan kerana menyertai Rancangan Pembangunan Tanah
- v. Penghijrahan dari kampung ke bandar
- vi. Faktor Umur - Keluarga tua

i. Keluasan Tanah Yang Tidak Ekonomis

Oleh kerana bilangan penduduk semakin meningkat dan keluasan tanah-tanah sawah, dusun dan kampung tidak bertambah maka pemecahan tanah ketika pembahagian antara waris-waris yang berhak menerima menyebabkan keluasan tanah yang dipunyai oleh

seseorang itu menjadi bertambah kecil.

Di Negeri Sembilan umumnya tanah-tanah sawah atau dusun yang merupakan harta pusaka mempunyai purata keluasan dalam lingkungan 0.20 - 1.21 hektar sahaja. Bagi satu keluarga yang mempunyai tanah lebih daripada 1.2 hektar telah dianggap sebagai luar biasa.

Bidang-bidang tanah yang kecil seperti ini tidak akan mengeluarkan hasil yang memuaskan walau bagaimana berkesan sekalipun pengurusan dan teknologi yang di gunakan. Purata tanah yang terbiar di daerah Rembau ini adalah sawah-sawah yang sudah tidak diusahakan lagi. Oleh kerana usaha penanaman padi adalah satu usaha yang berat dan intensif maka ia memerlukan tenaga yang banyak dan jagaan yang rapi. Dengan keluasan tanah yang sempit ini, perusahaan ini adalah tidak menguntungkan maka tiada inisiatif bagi keluarga-keluarga yang berkenaan untuk mengusahakannya. Ini juga menjadi salah satu punca berlakunya situasi tanah terbiar.

ii. Hakmilik ramai

Pada dasarnya mengikut Adat Perpatih tanah adalah hakmilik bersama oleh ahli-ahli dalam satu suku. Setelah kedatangan Inggeris yang memperkenalkan sistem penamaan pemilik tanah, maka

wujudlah tanah yang mempunyai pemilik yang ramai. Disebabkan sistem pembahagian tanah di Negeri Sembilan adalah secara warisan, pemecahan tanah ketika pembahagian harta pusaka apabila berlaku kematian menyebabkan sebidang tanah yang dahulunya luas menjadi petak-petak yang kecil. Nama-nama bagi setiap pemilik tanah tersebut biasanya tertulis di atas setiap geran. Oleh kerana keluasan tanah yang kecil, maka proses pemecahan geran adalah tidak dibenarkan oleh Pejabat Tanah kerana proses ini merupakan satu proses yang rumit. Mengikut Kanun Tanah Negara, hanya tanah yang mempunyai keluasan melebihi 6 ekar sahaja boleh dipecah geran. Oleh kerana bidang tanah yang kecil dan pemilik yang ramai maka terjadilah sebidang tanah yang mempunyai ramai pemilik seperti yang tertulis di atas geran. (Sila rujuk lampiran).

iii. Sukar Untuk Menukar Jenis Tanaman

Terdapat beberapa faktor utama yang menghalang peladang-peladang daripada menukar jenis tanaman dalam tanah masing-masing iaitu :-

a. Syarat tanaman

Dalam setiap geran tanah tercatat syarat tanaman. Tuan-tuan tanah tidak dibenarkan untuk menukar tanaman kepada jenis tanaman yang lain melainkan setelah mendapat kelulusan daripada

Pejabat Tanah. Untuk memohon membuat pindaan penukaran syarat tanaman adalah sangat rumit, dan memakan masa yang lama. Petani-petani yang majoritinya terdiri daripada golongan tua, kebanyakannya tidak memahami proses penukaran tersebut. Ini menyebabkan pelbagai masalah timbul apabila mereka ingin berbuat demikian.

b. Keluasan tanah yang kekal

Sebagaimana yang telah diterangkan, tanah-tanah terbiar yang kebanyakannya terdiri daripada tanah sawah sangat sempit keluasannya akibat pemecahan. Tanah yang kecil ini yang umumnya anggaran dua ekar sahaja tidak ekonomis untuk diusahakan dan tidak berkemampuan untuk menjamin pendapatan yang cukup. Disebabkan pertambahan penduduk dan keluasan tanah yang kekal, maka pemecahan tanah semasa pembahagian pusaka menyebabkan bidang-bidang tanah menjadi semakin kecil.

c. Kos Pembangunan

Kos pembangunan atau belanja permulaan bagi penanaman getah dan kelapa sawit adalah tinggi. Untuk menanam kelapa sawit atau getah melibatkan perbelanjaan anggaran RM 3,500 satu hektar. Di samping itu tuan tanah tidak mendapat apa-apa hasil dari tanahnya selama kira-kira empat tahun sebelum pokok-pokok mengeluarkan hasil. Bantuan pula tidak

akan diberikan jika tanah itu ditanam dengan tanaman yang tidak mengikut syarat tanaman.

iv. Penghijrahan Kerana Menyertai Rancangan Pembukaan Tanah.

Kerajaan telah berjaya membuka perkampungan baru dan kawasan-kawasan pertumbuhan pertanian yang luas dan terancang menerusi kegiatan-kegiatan agensi yang khusus seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Negeri dan lain-lain. Peserta yang mengambil bahagian dalam rancangan pembukaan tanah ini terdiri daripada ahli-ahli keluarga yang masih muda daripada kampung-kampung tradisional. Sebelum berpindah ke tempat baru, mereka merupakan golongan yang mengusahakan tanah-tanah kampung. Penghijrahan mereka telah mewujudkan satu keadaan kekurangan tenaga di kampung asal kerana yang tinggal hanyalah golongan tua yang 'unproductive' ataupun golongan muda yang masih bersekolah iaitu anak-anak peneroka yang tidak mengikut keluarga atas sebab-sebab tertentu. Keadaan ini sering berlaku dan menjadi salah satu sebab tanah kampung gagal diusahakan.

v. Penghijrahan Dari Kampung Ke Bandar

Perkembangan perdagangan dan perindustrian yang pesat di bandar-bandar telah membuka banyak peluang-peluang pekerjaan terutamanya industri

ringan. Industri ini tidak lagi tertumpu di bandar-bandar besar sahaja, bahkan dibawa ke persekitaran kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung seperti Senawang, Taman Tuanku Jaafar, Diah (Kuala Pilah), Nilai dan lain-lain tempat lagi. Peluang pekerjaan dan jaminan pendapatan yang tetap setiap bulan menjadi tarikan besar kepada penduduk-penduduk kampung untuk bekerja di kilang-kilang tersebut. Ini menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga untuk pertanian yang menyebabkan berlakunya tanah terbiar.

vi. Umur - Keluarga Tua

Kebanyakan individu yang tinggal di kampung-kampung adalah terdiri daripada golongan tua. Walaupun sesetengah keluarga yang sihat dan mungkin boleh bekerja tidak lagi berminat untuk berbuat demikian. Mereka ini mempunyai anak-anak yang dewasa dan telah bekerja dan setiap bulan memberikan perbelanjaan yang mencukupi, ataupun tinggal bersama anak-anak mereka di bandar. Akibatnya tanah-tanah di kampung tidak diusahakan lagi. Mereka hanya menunggu pokok-pokok yang sedia ada itu mengeluarkan buah apabila sampai musimnya nanti.

Bibliografi

Kertas Kerja Pembangunan Daerah Rembau, Oleh Tuan Haji Jaapar Bin Mohd. Yassin, Pegawai Daerah Rembau.

Profile Sosio-Ekonomi Masyarakat Melayu Rembau : Satu Perbincangan Dari Segi Adat Perpatih, Oleh Mohd Haflah Piei, UKM, Bangi.


Tanah-Tanah Terbiar : Satu Cadangan Pembangunan, Oleh Mohd. Shah Hj. Lassim dan Norhalim Hj. Ibrahim.

Abd. Rahman Osman, 'Sawah Terbiar - Tiga Cara Pengurusan Untuk Mengubatnya', Utusan Malaysia, 23 jun 1983.

LAMPIRAN



Gambar : Pemandangan Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau Dari Jauh



Gambar : Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau yang menempatkan Pejabat-pejabat Kerajaan

Kanun Tanah Negara

BORANG 5D

(Seksyen 87)

DAFTAR MUKIM: Mukim SEPRI No. G.M. 102
Negeri NEGERI SEMBILAN.

GERAN MUKIM

KATEGORI PENGGUNAAN TANAH TIADA


Di sini
masuk
"Pertanian",
"Bangunan",
"Perumahan"
atau "Tiada"
sebagaimana
yang sesuai.

Tanah yang diadualkan di bawah ini, yang bagi maksud-maksud pengenalan ditunjukkan dalam pelan yang disertakan, adalah dipegang untuk selama-lamanya oleh tuan punya yang pada masa itu ada tersebut namanya dalam rekod kepunyaan pada halaman sebelah, dengan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, kepada jenis penggunaan yang dinyatakan di atas dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang dinyatakan di bawah ini, sebagai balasan pembayaran yang wajar cukai tahunan sebanyak RM. 47.60 ringgit.

Dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri.

Didaftarkan pada 28 haribulan JANUARI 1993.

Surat-menyurat

No. PTA 260/149/92/02.

Pentadbir Tanah Dacrah

JADUAL TANAH

No. Lot 808 Mukim SEPRI Daerah REMBAU

Tempat AYEA SEKAPAS.Luas Lot 4.4735 Ha.

SYARAT-SYARAT NYATA

DUSUN

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

TIADA

Hendaklah dipenuhkan apabila hakmilik dikeluarkan bersambungan

Tarikh mula-mula diberimilik 2116 JUN 1944

No. hakmilik asal (tetap atau sementara) Emr 720

No. hakmilik yang akhir sekali (jika berlainan daripada yang di atas) Emr 909

REKOD KEPUNYAAN, URUSAN-URUSAN DAN LAIN-LAIN HAL MENGENAI HAKMILIK

UNTONG BT SIAWAL - 1/8 Bhs.
LIPAU BT SIAWAL - 1/8 Bhs.
KITANG BT HASSAN - 1/36 Bhs.
CHINTA BT HASSAN - 1/36 Bhs.
LEHAR BT JAWAL - 1/108 Bhs.
SINDUM BT JAWAL - 1/108 Bhs.
CHE' YAM BT JAMIL - 1/108 Bhs.
ESAH BT MOHD ALI - 1/36 Bhs.
SAWIYAH BT ABDULLAH - 1/108 Bhs.
POSAN BT ABDULLAH - 1/108 Bhs.
LIPAH BT SANTING - 1/108 Bhs.
MAIMUNAH BT JANOH - 1/36 Bhs.
MAIMUNAH BT JANOH - 1/36 Bhs.
SITI HAWA BT SAMAD - 1/18 Bhs.
ZAHARAH BT BADDR - 1/54 Bhs.
JEMAH BT BADDR - 1/54 Bhs.
RAMLAH BT BADDR - 1/54 Bhs.
HASNAN BT BADDR - 1/54 Bhs.
SAADIAH BT MOHD DIN - 1/162 Bhs.
SAPIAH BT MOHD DIN - 1/162 Bhs.
KAMSIAH BT PILUS - 1/162 Bhs.
SAAMAH BT HUSSAIN - 1/27 Bhs.
HALIJAH BT ALI - 1/36 Bhs.
SA'AMAH BT ALI - 1/36 Bhs.
RASIAH BT ALI - 1/36 Bhs.
KALSON BT YASIN - 1/54 Bhs.
AISIAH BT ID HUSIN - 1/54 Bhs.
TUJAH BT BAKIN - 1/81 Bhs.
ZALEHA BT BAKIN - 1/81 Bhs.
ZAINUN BT ZAINUDIN - 1/162 Bhs.
ZAINAB BT ZAINUDIN - 1/162 Bhs.
PUTIH BT MUSA - 1/81 Bhs.
KAMARIAH BT MUSA - 1/81 Bhs.
ROHANI BT MUSA - 1/81 Bhs.
FATIMAH BT SUDIN - 1/81 Bhs.
DEARMA TAKSIAN BT SUDIN - 1/81 Bhs.
NORIAH BT SUDIN - 1/81 Bhs.
NAPIAH @ NORDIAH BT MOHD Yusof - 1/27 Bhs.
INCHUM BT ABdul MAJID - 1/54 Bhs.
ESAH BT MAJID - 1/54 Bhs.
KAMARIAH BT LATIF - 1/27 Bhs.
SITI ZABEDAH BT MD ARIS - 1/9 Bhs.
RAHMATI BT ID HUSIN - 1/81 Bhs.
ASEH BT HUSSAIN - 1/81 Bhs.
AISIAH BT ID HUSIN - 1/81 Bhs.
MASERI BT AHMAD - 1/216 Bhs.
NORSIAH BT MOHAMMAD - 1/216 Bhs.
NORMALA BT MOHAMMAD - 1/216 Bhs.
NORMA BT MOHD - 1/216 Bhs.

KAWASAN SIMPANAN MELAYU


TANAH PESAKA ADAT

Per. No. 347/86 Dokumen Pelbagai
Jilid 27 Folio 33
Kesemua/seluas 1.030 ekar dari tanah ini
akati/ telah diambil balik oleh kerajaan menurut Sek.
8/22 Akta Pengambilan balik Tanah 1960 mengikut
Warta No. 361/26.9.85
pada 28.10.86 @ 10.00pg
P.T.D. 362/102/84.

+P. PTD.

Per. No. 300/91 Dokumen Pelbagai
Jilid 30 Folio 59
Kesemua/seluas 0.66 EKAR dari tanah ini
akati/ telah diambil balik oleh kerajaan menurut Sek.
8/22 Akta Pengambilan balik Tanah 1960 mengikut
Warta No. 256/8.6.1978
pada 26.10.91 @ 12.30th.
P.T.D. 362/132/74


+P. PTD.



MUKIM OF SPRI
DISTRICT OF TAMPIN REMBAU

Scale Four Chains to an Inch

Note: Abolition of District vide G.N. 3084 & 3085 of 1947



Saya, *[Signature]* Kepala Rongol Sebilan
Syal Peta Kadaster 67-A-IV

Faktor Faktor Perbandingan	
Ukuran	Kekesatan
1 inci = 0.2012 meter	1 bucu = 0.20166 hektar
1 furlong = 201.168 meter	1 rood = 0.10083 hektar
1 bucu = 0.0254 meter	1 acre = 0.1012428 hektar
1 bucu = 0.3048 meter	1 ka per. = 0.092903 hektar

Adalah diakui, mengikut seksyen 3 dalam Akta Peta Tanah dan Galian (Salinan Fotol 1950, bahawa ini ialah salinan peta yang betul dan benar yang telah dibuat pada 28.12.92, bagi Lot..... di dalam Mukim..... Daerah..... seperti yang ditunjuk di atas Peta.....

[Signature]
JASRI BIN A. RAHMAN
BERHAK PEKARANG ORG
b.p. PEKARANG ORG
TEGEDI SEBILAN

Diperiksa oleh *[Signature]*
29/12/92

Kanun Tanah Negara

Borang 6 A

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada

yang beralamat di.....
tuannya *tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

*Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar *di Pejabat Tanah daerah ini/di..... segala wang yang sekarang-ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika *jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah *tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihakberkuasa Negeri.

Bertarikh pada haribulan....., 19

Pentadbir Tanah

Daerah

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik (1)	No. *Lot/ P.T. (2)	Hasil tahun ini (3)	Hutang dari tahun-tahun yang lepas (4)	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil (5)	Bayaran-bayaran terhutang (6)	Jumlah kena dibayar (7)

[Sila lihat sebelah

TAMBAHAN

Kepada

yang beralamat di
 *Pemegang gadai/pemegang pajak/pemegang pajak kecil/Penyewa/pemegang *lien*/pengkaveat/Pemegang isemen.

Sekiranya *tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuannya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya *tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka *tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuannya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98, Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut—

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuannya tanah itu atau kepada sesiapa yang daripadanya tanah itu dipegang;
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada haribulan, 19

Pentadbir Tanah

Daerah

* Potong sebagaimana yang sesuai.

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara, Malaysia menurut Pemberitahu Undangan No. 12 tahun 1964—A.G. 3309 S.F. 1; P.T.T.M. 5/65 (4).]

[—J.P.N., K.L.]

(N.L.C. 15A)

KANUN TANAH NEGARA
 (BORANG 8A)
 (SEKSYEN 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen *100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawasanya oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri :-

- a) Apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- b) Dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Pentadbir Tanah :

Daerah :

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

*Bandar/Pekan/Mukim	No.Lot/Pt.	Luas	Jenis dan No. Hakmilik
Chembong	1520	212.5552	1948
	1521	111.4836	1949
	1522	111.4836	1950
	1523	111.4836	1951
	1524	111.4836	1952
	1525	111.4836	1953
	1526	111.4836	1954
	1527	111.4836	1955
	1528	111.4836	1956
	1529	111.4836	1957
	1530	111.4836	1958
	1531	111.4836	1959
	1532	111.4836	1960
	1533	111.4836	1961
	1534	111.4836	1962
1535	111.4836	1963	

**PERINTAH PERLUCUTAN-HAK TANAH
DI BAWAH SEKSYEN 100**

BAHAWASANYA NOTIS TUNTUTAN DALAM BORANG 6A K.T.N TELAH DISERAHKAN
KEPADA TUANPUNYA TANAH YANG DIMILIKI MENURUT NO.LOT _____

BANDAR/PEKAN/MUKIM : _____ DAERAH _____
PADA _____ HARIBULAN _____ TAHUN _____

DAN JUGA SATU CATATAN MENGENAI PENYERAHAN TELAH DIMASUKKAN DALAM
DAFTAR PADA _____ HARIBULAN _____ TAHUN _____

BAHAWASANYA TUANPUNYA TANAH TELAH GAGAL MENYERAHKAN/MEMBAYAR
SEBANYAK RM _____ (RINGGIT MALAYSIA: _____

SAHAJA) SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM NOTIS TERSEBUT PADA ATAU
SEBELUM _____ HARIBULAN _____ TAHUN _____

OLEH ITU SAYA DENGAN PERINTAH INI MENGISTIARKAN BAHAWA TANAH
TERSEBUT DILUCUTKAN-HAK DAN MENJADI HAK PIHAK BERKUASA NEGERI.

BERTARIKH : _____ HARIBULAN _____ TAHUN _____

.....
PENTADBIR TANAH

DAERAH : REMBAU

Senarai Pegawai-Pegawai yang ditemubual di Pejabat Daerah Rembau.

1. Tuan Haji Jaapar Bim Mohd. Yasin
Pegawai Daerah Rembau
2. En. Ab. Razak Bin Ab. Rahman
Timbalan Pentadbiran Tanah Daerah



3. En. Mohd. Yusuf Bin Mat Seman
Pegawai Tadbir Tanah Daerah



Gambar : Pemandangan tanah sawah yang terbiar di
Kampung Tanjung Sena



Gambar : Pemandangan tanah sawah terbiar di kampung
Batu Hampar



Gambar : Tanah sawah yang telah diusahakan secara berkelompok.



Gambar : Skim Pengairan Mampong